



Manuscript Title: Wakaf Irsod di Negeri Terengganu: Satu Kajian Perbandingan Antara Hukum Syarak dan Pelaksanaannya

Authors: Mohd Ridzuan Mohamad & Nadhirah Nordin Zurita Mohd Yusoff

Accepted Date: 08-February-2022

Please cite this article as: Mohd Ridzuan Mohamad & Nadhirah Nordin Zurita Mohd Yusoff. 2022. Wakaf irsod di negeri Terengganu: Satu kajian perbandingan antara hukum syarak dan pelaksanaannya. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**WAKAF *IRSOD* DI NEGERI TERENGGANU: SATU KAJIAN
PERBANDINGAN ANTARA HUKUM SYARAK DAN
PELAKSANAANNYA**

***IRSOD WAQF IN THE STATE OF TERENGGANU: A COMPARATIVE
STUDY BETWEEN ISLAMIC LAW AND ITS IMPLEMENTATION***

Mohd Ridzuan Mohamad*, Nadhirah Nordin Zurita Mohd Yusoff

Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti
Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: ridzuan_dr@yahoo.com

ABSTRACT

Irsod waqf is a type of waqf that is mentioned in Islamic jurisprudence (fiqh). Its existence has not been discussed much academically compared to other types of waqf, such as family waqf, cash waqf, muaqqat waqf etc. This study explored the position of irsod waqf by examining several aspects, such as the debate about Islamic law and its implementation procedures. It only focused on the implementation of irsod waqf in Terengganu because its policies and legislative provisions are found in the Waqf Enactment Terengganu 2016. This Study uses qualitative methods, the study design is a comparative on interview data and document analysis. This research technique uses content analysis. Findings show that there are three important elements in the relationship between Islamic law and its implementation by MAIDAM, which are the possession of property, purpose of the waqf and the method for implementing the waqf. The three elements have a significant relationship, whereby its position is consistent with Islamic jurisprudence (fiqh) and contemporary legislation, namely the National Land Code 1965 Act 56. Findings of this study has contributed to the industry, namely MAIDAM, in the form of a reference or guide when implementing improvements to waqf proceedings. In addition, it has created opportunities for further in-depth studies.

Keywords: *Waqf, Terengganu Malay Customs and Islamic Religious Council (MAIDAM), Islamic (Syarak) Law, National Land Code 1965 (Act 56), Waqf Enactment (State of Terengganu) 2016*

ABSTRAK

Wakaf irsod merupakan salah satu jenis perwakafan yang ada di dalam hukum fiqh. Dari sudut perbincangan ilmiah, wakaf irsod tidak banyak dibahaskan berbanding jenis wakaf yang lain seperti wakaf zuriat, wakaf tunai, wakaf muaqqat dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian ini akan menerokai kedudukan wakaf irsod terhadap beberapa aspek, antaranya aspek hukum syarak dan juga aspek tatacara pelaksanaan semasa. Skop kajian ini adalah menfokuskan terhadap pelaksanaan di Negeri Terengganu, ini kerana dasar perundangannya telah termaktub di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, reka bentuk kajian adalah kajian perbandingan ke atas data temu bual dan kajian dokumen. Teknik kajian ini pula menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tiga elemen penting terhadap aspek hukum syarak dan hubungan pelaksanaannya di MAIDAM. Pertama, milikan harta, kedua, penerima wakaf dan ketiga, kaedah perwakafan. Tiga elemen ini mempunyai hubungan yang signifikan iaitu kedudukannya adalah selaras mengikut sudut disiplin ilmu fiqh dan juga Kanun Tanah Negara 1965 Akta 56. Ini disebabkan Akta 56 turut terlibat secara langsung mengenai tanah-tanah wakaf di negara ini. Rumusannya, hasil kajian ini turut memberi sumbangan kepada pihak industri iaitu MAIDAM untuk dijadikan sebagai rujukan atau panduan sekiranya penambahbaikan hendak dilaksanakan. Selain itu kajian ini juga turut membuka ruang kepada pihak pengkaji bagi menerokai secara lebih luas dan mendalam pada masa akan datang.

Kata kunci: *Wakaf Irsod, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Hukum Syarak, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) dan Enakmen Wakaf Terengganu 2016.*

PENDAHULUAN

Wahbah Al-Zuhaily (2008) telah membahagikan beberapa jenis perwakafan yang ada di dalam hukum fiqh seperti wakaf zuriat, wakaf *musya*, wakaf *muaqqat*, wakaf *musytarak* dan wakaf *irsod*. Jenis-jenis wakaf tersebut turut ditakrifkan juga di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 18 (1) iaitu:

- (b) “wakaf muabbad” ertinya suatu penyerahan sebagai wakaf yang berkekalan;
- (c) “wakaf muaqqat” ertinya sesuatu penyerahan wakaf untuk suatu tempoh tertentu.
- (d) “wakaf musya” ertinya suatu penyerahan sebagai wakaf apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama dan tidak dipecah bahagi; dan

(e) “wakaf musytarak” ertinya penyatuan beberapa wakaf termasuklah mana-mana wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan syer wakaf.

Bagi pengertian wakaf zuriat pula, ia turut ditakrifkan secara berasingan di dalam perundangan tersebut iaitu di bawah seksyen 35 (1):

Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya

Pengertian ‘waris’ dalam peruntukan ini dijelaskan pula di bawah seksyen 2 (1) sebagai mana berikut:

‘Pihak waris yang berhak mendapat harta pusaka menurut hukum syarak’

Ridzuan Mohamad (2020) menjelaskan bahawa pelaksanaan wakaf zuriat di negeri Terengganu mempunyai beberapa aspek tadbir urus yang lengkap seperti sistem perekodan secara sistematik terhadap maklumat ahli zuriat, maklumat tanah dan maklumat hasil sewaan hartanah. Namun dalam kajian ini, skop perbahasannya adalah tertumpu kepada pelaksanaan wakaf *irsod* kerana kedudukannya turut termaktub di dalam perundangan wakaf di Negeri Terengganu iaitu Enakmen Wakaf Tahun 2016. Kedudukan wakaf *irsod* dalam perundangan ini tidak diperhalusi dari sudut pengurusannya, tetapi ia hanya diperuntukan sebagai tafsiran sebagai mana dinyatakan di bawah seksyen 18 (2) (a) iaitu:

‘Wakaf *irsod*’ ertinya penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan, baitulmal atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum syarak’

Peruntukan mengenai wakaf *irsod* di dalam perundangan tersebut adalah bersifat umum. Bagi ‘Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf 2019’ pula hanya menyentuh secara kaedah pendaftarannya sahaja. Sehubungan itu, kajian ini penting bagi melihat sejauh manakah pelaksanaan wakaf *irsod* secara keseluruhan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Menurut Fatimah Harun (2019) bahawa kedudukan wakaf *irsod* turut melibatkan hubungan dengan pihak kerajaan sama seperti wakaf wakaf tunai, wakaf zuriat, wakaf khas dan wakaf am. Dari sudut hukum syarak pula, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu (JFNT) masih tidak membuat sebarang keputusan mengenai kedudukan wakaf *irsod* berhubung ciri-ciri pelaksanaannya. Oleh demikian, objektif kajian ini akan menerokai kedudukan wakaf *irsod* iaitu mulai perbahasan dari sudut hukum fiqh, pelaksanaan semasa dan akhirnya akan mengkaji dari sudut perbandingannya.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini dijalankan secara kajian kualitatif dan instrumen kajian ini pula menggunakan kaedah penyelidikan perbandingan. Menurut Ghazali (2016), terdapat 25 instrumen bagi kajian kualitatif iaitu analisis kandungan, sejarah, antropologi, etnografi, analisis analitik, kajian lapangan, interaksi simbolik, naratif, perspektif dalaman, etnometodologi, naturalistik, kajian tindakan, dokumentari, kajian kes, deskriptif, etnologi, fenomologi, riwayat hidup, inkuiri naturalistik, ekologi psikologi, interaksi simbolik, sistem teori kajian eksperimen, penyelidikan perbandingan, dan orientasional.

Wakaf *irsod* memerlukan kepada kajian dokumen iaitu melalui pendekatan instrumen pemerhatian terhadap kitab-kitab turath yang telah dibahaskan oleh para ulama silam. Kajian ini juga turut dilaksanakan kutipan data di lapangan secara proses temu bual. Menurut Siti Uzairah Tobi (2018), temu bual yang dilaksanakan ini adalah melalui teknik 'Tidak Berstruktur' kerana soal selidik yang dikemukakan melibatkan pensampelan bertujuan agar responden dapat memberi ulasan yang lebih meluas, namun ia masih dalam lingkungan mengikut 'Tema Topik' terhadap sesebuah kajian. Berdasarkan protokol bagi teknik temu bual, ia dibahagikan kepada tiga jenis, pertama temu bual 'Berstruktur', kedua 'Semi Struktur' dan ketiga 'Tidak Berstruktur'. Masing-masing mempunyai fungsi tersendiri berkait hal-hal penyelidikan yang dijalankan. Responden terdiri daripada kakitangan MAIDAM khususnya mereka dalam kalangan yang bertugas di Bahagian atau Unit Wakaf. Dua orang yang menjadi responden utama iaitu Yacoob Abdullah yang berkhidmat sebagai Pegawai Wakaf Gred S44 dan Fatimah Harun berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Wakaf Gred S27.

Burns (2000) menjelaskan bahawa menganalisis data merupakan suatu kerja yang perlu kepada pemerhatian yang tinggi iaitu bagaimana memahami suatu makna daripada data-data yang diperolehi. Merriam (2001) pula menjelaskan pemerhatian data akan terarah kepada tema-tema yang telah distrukturkan. Bagi pandangan Othman Lebar (2017), proses analisis data dilakukan dengan beberapa cara sama ada kaedah induktif atau deduktif dan protokol bagi analisis kajian kualitatif turut meliputi beberapa kaedah analisis sama ada induktif, deduktif dan komparatif. Kajian ini juga dilaksanakan secara analisis kandungan terhadap data-data yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan, serta dokumen rasmi yang diperolehi daripada jabatan yang terlibat iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

WAKAF *IRSOD* DALAM KONTEKS HUKUM SYARAK

Muṣṭafa (2010) menjelaskan bahawa wakaf merupakan perkataan daripada bahasa arab iaitu *waw-qāf- fā*, menurut Ibnu Manzur (1990) pula wakaf adalah

bermaksud ‘terhenti’. Wahbah al-Zuhaili, (2008) menjelaskan bahawa para ulama dalam mazhab Syafie, harta wakaf merupakan harta hak milik Allah S.W.T secara mutlak dan pemilik asalnya telah terputus dari segala hak pengurusanannya. Menurut mazhab Maliki pula, Ibnu Qudāmah (1990) menjelaskan bahawa harta wakaf masih boleh ditadbir oleh pemilik asalnya namun hanya terhad mengikut tujuan diwakafkan. Berlainan pula menurut mazhab Hanafi iaitu menurut Ibnu Al-Humam (1977), harta wakaf boleh dimiliki oleh pemilik asal, namun manfaatnya tidak boleh digunakan kerana manfaat tersebut merupakan wakaf yang bersifat kekal. Dari sudut pengertian di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016, harta wakaf bermaksud *mawquf*, ia ditakrifkan di bawah seksyen 2 (1) iaitu:

“mawquf” ertinya apa-apa harta yang telah diwakafkan;

Harta dalam konteks ini turut takrifkan juga di bawah seksyen yang sama iaitu seksyen 2 (1) (a), (b), (c) dan (d):

“harta” termasuklah– (a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek; (b) apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek; (c) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan (d) kepakaran atau perkhidmatan, yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak; “harta alih” ertinya harta yang boleh dialihkan termasuk saham, wang, emas, perak dan yang seumpama dengannya; “harta intelek” ertinya apa-apa yang berkaitan dengan hakcipta, paten, rekabentuk perindustrian, cakera optik, cap dagangan, dan yang seumpama dengannya; “harta tak alih” ertinya harta yang tidak boleh dialihkan termasuk tanah, bangunan dan yang seumpama dengannya;

Perkataan *irsod* pula adalah daripada huruf ‘*rā-ṣād-dāl*’, ia dibaca ‘baris atas’ atau *fathah* dan kesemuanya merupakan *Fi’il Madi* yang bermaksud ‘memperhati’ (Idris Marbawi, 2006). Dari sudut pengertian yang lain, ia juga bermaksud suatu tempat yang jarang dituruni hujan (Mu’jam Al-Wasī, 2008). Mengikut pengertian fiqh pula, perkataan *irsod* dari sudut terminologi iaitu ‘*idād*’ bermaksud ‘pelbagai’. Menurut pengertian para ulama fiqh bahawa *irsod* bermaksud ‘pemerintah menggunakan sebahagian harta baitulmal untuk kebaikan’ (Fatawa Mahdiyyah: t.th). *Irsod* juga mempunyai beberapa rukun, pertama *mursid* (penjaga amanah), kedua *māl mursod* (harta), ketiga, tujuan dan keempat *sighah*. *Māl mursod* bermaksud sebuah harta milik orang ramai namun ia tidak boleh dimanfaatkan kecuali melalui peranan pihak pemerintah iaitu dalam konteks peranan baitulmal. Peranan ini adalah di bawah tanggungjawab

pemerintah atau pemerintah boleh melantik daripada mana-mana pihak tertentu sebagai wakil bagi melaksanakan urusan harta tersebut. Pihak yang bertanggungjawab pula dinamakan sebagai *mursod alahi* dan syaratnya mestilah mempunyai kemampuan ke atas peranan tersebut. Bagi tujuan *māl mursod* pula, ianya mestilah untuk kegunaan umum. Namun demikian terdapat khilaf dalam kalangan para ulama dari sudut tujuannya, menurut jumhur ulama Hanafi, Maliki dan sebahagian mazhab Syafie tidak mengharuskan *māl mursod* digunakan untuk kepentingan khusus, tetapi diharuskan pula oleh kebanyakan dalam mazhab Syafie dan mazhab Hanbali. Selain itu, ianya diharuskan kepada pihak tertentu seperti manfaatnya kepada fakir miskin dan pandangan ini turut dikemukakan oleh Ibn Nujim. Bagi syarat *sighah* pula, para ulama menyamakan dengan lafaz ibadat 'wakaf'. Justeru, kebanyakan para ulama telah membezakan kegunaan untuk perkataan *irsod* dengan perkataan wakaf, ini kerana wakaf mempunyai ibadat yang khusus dan rukunnya adalah berbeza dengan ibadat *irsod*. (Mawsūat Fiqhiyyah: 2015). Ibnu Abidīn turut menjelaskan bahawa ibadat wakaf yang sah adalah disebabkan memenuhi syarat-syarat wakaf antaranya mestilah seseorang mempunyai hak milik yang sempurna. Bagi *irsod* pula, ia merupakan harta milik orang ramai yang ditempatkan di baitulmal dan pihak pemerintah mewakafkan harta tersebut, maka dalam konteks ini ia bukan dikira sebagai wakaf yang sebenar (Ibnu Abidīn, t.th). Sehubungan itu, terdapat pendapat yang lain menyatakan bahawa wakaf *irsod* merupakan wakaf yang tidak sebenar kerana hak milik asal bagi harta tersebut adalah hak milik umat Islam yang telah diwakilkan kepada pihak pemerintah untuk melaksanakan ibadat wakaf (Mawsūat Fiqhiyyah: 2015).

Mengenai perbincangan kedudukan wakaf *irsod*, ianya merupakan perkara khilaf dalam kalangan para ulama silam. Menurut Al-Qarāfi, bahawa pada asal harta baitulmal mestilah dijagai sepenuhnya oleh pihak pemerintah serta mengagihkan mengikut landasan hukum syarak serta masalah umum. Namun demikian, pemerintah juga boleh mewakafkan harta tersebut jika tujuannya untuk masalah umum dan ini dibenarkan dalam mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, harta tersebut bukan hak milik pemerintah, maka wakaf tersebut bukan bersifat yang sebenar atau hakiki (Al-Qarāfi, t.th). Menurut Ibnu Hibān bahawa pemerintah boleh mewakafkan harta baitulmal sekiranya dalam tempoh tersebut mempunyai masalah umum maka dalam konteks ini ia dinamakan sebagai *irsod* (Ibnu Abidīn, 1992). Al-Mawardī pula berpandangan bahawa pemerintah mempunyai hak ke atas tanah-tanah yang dibangunkan sebagai mana perbincangannya dalam kitab *Al-Aḥkām Al-Ṣultāniyyah* bab 'ihyā' dan 'al-mawāt', bagi konteks tersebut jika mana-mana tanah yang terbiar setelah diusahakan oleh seseorang maka pihak pemerintah boleh menggunakan tanah tersebut dengan mewakafkan untuk kepentingan umum (Al-Mawardī, t.th). Merujuk pandangan salah seorang ulama kontemporari iaitu Wahbah Al-Zuhaily, beliau menjelaskan bahawa wakaf *irsod* merupakan wakaf daripada pihak pemerintah untuk dijadikan sebagai masalah

umum seperti pembinaan sekolah, hospital dan sebagainya. Kedudukan tersebut adalah harus, namun demikian ia juga tidak bersifat sebagai wakaf yang sebenar (Wahbah Al-Zuhaily, 2008). Kesimpulannya, merujuk perbahasan para ulama di atas bahawa kedudukan wakaf *irsod* merupakan perkara yang khilaf, ini disebabkan perselisihan dari sudut kedudukan status hak milik harta. Maka dalam konteks tersebut, ia turut memberi kesan terhadap kedudukan wakaf sehingga para ulama menghukumkan ianya sebagai wakaf yang bukan sebenar.

PELAKSANAAN WAKAF *IRSOD* DI TERENGGANU

Dalam konteks perundangan, kedudukan wakaf turut termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 'Jadual Kesembilan' iaitu Senarai Negeri. Ia merupakan suatu perkara yang melibatkan perkara hal ehwal Islam dan terletak hak di bawah bidang kuasa negeri-negeri.

‘...Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat: Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri: adat istiadat Melayu.’

Di Terengganu, segala tadbir urus wakaf adalah terletak hak di bawah Majlis Agama Islam Dan Melayu Terengganu (MAIDAM). Badan ini ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Seksyen 4 iaitu:

(1)Maka hendaklah ada suatu badan bernama "Majlis Agama Islam dan Adat Melayu" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.(2) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu yang wujud sebelum permulaan kuat kuasa itu menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Majlis yang disebut dalam subseksyen (1).(3) Segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa adalah terletak hak atau dipertanggungkan pada Majlis terdahulu hendaklah apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa terletak hak dan dipertanggungkan pada Majlis, kecuali mana-

mana yang tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.(4) Segala jenis harta, alih dan tak alih, yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa, adalah terletak hak pada Majlis terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, terletak hak pada Majlis tanpa dipindahkan, diserahkan atau dipindahmilikkan.

Dari sudut sejarah penubuhannya, Majlis Agama Islam Dan Melayu Terengganu mula dikuatkuasa di bawah Undang-Undang Bil / 1949 yang diwartakan bertarikh 16 Februari 1949. Perundangan ini dinamakan secara rasminya iaitu ‘Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat 1949 (1368). Undang-undang ini telah dipinda pada tahun 1955, ia dinamakan pula sebagai Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1955 (1375). Setelah 29 tahun kemudian, pindaanya telah dibuat ke atas undang-undang tersebut sehingga wujudnya pula ‘Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama 1986. Terakhir, undang-undang ini turut berlaku pindaan dan kemudiannya wujudnya sebuah perundangan yang dikuatkuasakan hingga kini iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 2001 (MAIDAM, 2019). Dalam konteks tadbir urus wakaf, ianya turut dimuatkan dalam perundangan tersebut iaitu di bawah Seksyen 63. Selain itu, ia juga dimuatkan secara lebih khusus di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 4 (1) (a) iaitu:

Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, yang terletak di dalam Negeri Terengganu;

MAIDAM turut melaksanakan wakaf secara harta tak alih dan dan alih, sehubungan itu wakaf *irsod* adalah termasuk sebagai harta tak alih kerana melibatkan tanah dan hartanah. Segala jenis wakaf pula turut direkodkan kepada dua kategori sama ada sebagai wakaf khas dan wakaf am. Perkara ini dimuatkan di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 14 (a) dan (b) iaitu:

Jenis wakaf yang boleh diwujudkan di bawah Enakmen ini ialah— wakaf am dan wakaf khas.

Wakaf khas dibahagikan kepada beberapa jenis seperti wakaf tapak masjid, tapak surau, wakaf manfaat, wakaf zuriat dan tapak perkuburan Islam. Bagi wakaf am hanya satu jenis sahaja iaitu berdasarkan kepada hasrat pewakaf dengan menyatakan di dalam sighthnya secara umum (Yacoob Abdullah, 2020). Secara takrifan kedua-dua jenis wakaf ini turut dimuatkan di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 2 (1) iaitu:

“wakaf am” ertinya apa-apa mawquf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak; “wakaf khas”

ertinya apa-apa mawqaf yang diwujudkan bagi suatu tujuan yang khusus menurut Hukum Syarak;

Bagi tahun 2018, tanah-tanah wakaf yang didaftarkan di MAIDAM adalah sebanyak 775 lot. Ini termasuk segala jenis wakaf am dan wakaf khas yang meliputi tapak masjid ‘T.M’, tapak surau ‘T.S’, tapak kubur ‘T.K’, wakaf zuriat ‘W.Z’ dan manfaat wakaf ‘M.W’. Jumlah tanah tersebut secara terperinci sebagai mana berikut:

Jadual 1: Tanah Wakaf Terengganu Tahun 2018

Daerah	W.Am	T.M	T.S	T.K	W.Z	M.W	Jumlah
Kemaman	24	2	11	1	-	7	45
K.Trng	127	19	26	43	21	195	431
H.Trng	17	3	8	7	1	15	51
Dungun	3	2	6	1	-	1	13
Marang	25	11	34	13	4	41	128
Setiu	5	9	3	2	-	-	19
Besut	4	-	6	3	-	6	19
K.Nerus	15	6	23	11	1	13	69
Jumlah	220	52	117	81	27	278	775
Jumlah Keseluruhan : 775							

Sumber: Unit Wakaf MAIDAM (2020)

Pelaksanaan Wakaf Irsod

Berdasarkan perundangan yang ada iaitu Enakmen Wakaf Terengganu 2016, kedudukan wakaf *irsod* turut dimuatkan secara tafsiran di bawah seksyen 18 (2) (a). Kedudukan tersebut melibatkan serahan tanah oleh pihak kerajaan, baitulmal atau institusi kepada pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk dijadikan sebagai tanah wakaf. Namun demikian, pelaksanaan wakaf *irsod* yang terdapat di MAIDAM adalah melibatkan serahan tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Dalam konteks ini, serahan tanah tersebut adalah tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) iaitu Seksyen 76. Bagi kaedah pendaftaran tanah pula, ianya turut dimuatkan di dalam ‘Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 iaitu ‘Warta Kerajaan’ Jil 72 No 21 di bawah Seksyen 7 (1), (2) dan (3) sebagai mana berikut:

- (a) Pendaftaran wakaf *irsod* melibatkan penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan hendaklah dibuat melalui kaedah pemberimilikan tanah kerajaan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965;

- (b) Bagi maksud perenggan (a), Majlis hendaklah mengemukakan permohonan sebagai mana peruntukan seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965;
- (c) Tanah wakaf yang diwakaf selain daripada subperenggan (a) hendaklah melalui kaedah pendaftaran pindah milik di bawah Peraturan 3 dalam Peraturan ini.

Borang 'Jadual 1' merupakan sebuah ketetapan di bawah perundangan tanah iaitu seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Di negeri Terengganu, borang ini mempunyai nombor siri secara khusus iaitu [N.L.C.53-PIN.1/86]. Kaedah pendaftaran ini mempunyai beberapa peringkat dari sudut prosedurnya. Pertama: Pihak MAIDAM akan mengenalpasti tanah-tanah rezab kerajaan yang hanya melibatkan tapak masjid, surau dan perkuburan Islam. Kedua: Pihak MAIDAM akan melengkapkan kesemua item atau ruangan yang ada di dalam borang tersebut seperti no lot tanah, no sempadan, no daerah, no mukim, pelan tanah, no lot tanah berhampiran iaitu Utara, Selatan, Timur dan Barat. Ketiga: Proses serahan dokumen kepada pihak Pejabat Tanah, Keempat: Proses siasatan tapak oleh pihak 'Penolong Pegawai Tanah (PPT)'. Kelima: Memohon pandangan agensi 'Teknikal' seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Daerah atau Bandaraya, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan beberapa agensi yang lain. Keenam: Membenteng laporan 'Teknikal' dalam Jawatankuasa Tanah. Ketujuh: Membuat laporan lengkap dan menghantar kepada Pejabat Tanah Dan Galian Terengganu (PTG). Ketujuh: Menyediakan kertas kerja kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Kelapan: Jika lulus, pihak PTG akan mengarahkan kepada Pejabat Tanah untuk mengeluarkan 'Borang 5A'. Kesembilan: Pihak MAIDAM akan membuat bayaran berdasarkan notis diberikan. Kesepuluh: Jika tanah tersebut tidak dikenakan upahan ukur maka bayaran terus dibuat dan akhirnya Pejabat Tanah akan mengeluarkan 'Suratan Hakmilik' atau geran tanah kepada pihak MAIDAM dan geran tersebut akan didaftarkan sebagai tanah wakaf (Yacoob Abdullah, 2020).

Borang 5A merupakan notis yang dikeluarkan oleh pihak Pejabat Tanah mengenai pembayaran tanah yang perlu dibayar, perkara ini adalah tertakluk di bawah seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu:

'Secepat yang mungkin selepas apa-apa jumlah wang menjadi genap masa berkenaan dengan mana-mana tanah menurut kuasa subseksyen (1), Pentadbir Tanah hendaklah, melalui notis dalam Borang 5A, menghendaki tuannya yang dicadangkan membayar jumlah wang itu kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan mengenai dalam notis itu: dan jika apa-apa jumlah wang sedemikian tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan itu,

kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk pemberimilikan itu hendaklah dengan itu luput’.

Teradapat beberapa item yang terkandung di dalam Borang 5A yang tercatat di dalamnya iaitu pertama: Jenis Penggunaan Tanah, kedua: Daerah, ketiga: Surat Hakmilik, keempat: Keluasan, kelima: Luas lot dan keenam: Mukim. Bagi tambahan yang lain pula iaitu ‘Syarat Nyata Tanah’ dan ‘Sekatan Kepentingan’. Mengenai kedudukan ‘Sekatan Kepentingan’ ianya akan dinyatakan iaitu ‘tanah ini tidak boleh digadai, dijual dan dipindah milik’, walaupun perkataan ‘wakaf’ tidak tertulis di dalamnya namun keterangan tersebut telah memenuhi prinsip wakaf mengikut hukum syarak.

Pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara kepada pihak MAIDAM untuk dijadikan sebagai tanah wakaf telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) Kali Ke-3 Bertarikh 17 Januari 2018 sebagai mana keputusan berikut:

‘Pihak Berkuasa Negeri bersetuju untuk membatalkan mana-mana tanah yang direzabkan / diwartakan menurut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan awam iaitu tapak masjid, surau dan kubur. Setelah perjalanan pembatalan selesai, tapak berkenaan boleh dipohon oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Manakala tanah-tanah yang belum direzabkan / diwartakan hendaklah dipohon terus untuk diberi milik’ (Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, 2018)’

Berdasarkan keputusan MMKN di atas, pelaksanaan ini melibatkan tiga agensi utama iaitu MAIDAM, Jabatan Agama Hal Ehwal Terengganu (JHEAT) dan Pejabat Tanah Daerah-Daerah. Mengikut pelaksanaannya pula, perkara ini turut sebagai mana dijelaskan sepuluh prosedur di atas. Tanah-tanah yang telah dikenalpasti oleh pihak MAIDAM dan pihak JHEAT untuk memproses pembatalan warta dan prosedur pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara yang rekodkan adalah sebagai mana berikut:

Jadual 2: Tanah-Tanah Kerajaan Untuk dijadikan sebagai Wakaf

Daerah	Tapak Masjid	Tapak Perkuburan Islam	Tapak Surau	Jumlah
Kuala Terengganu	65 lot	33 lot	4 lot	102 lot
Kemaman	40 lot	123lot	76 lot	239 lot
Dungun	3 lot	42 lot	4 lot	49 lot
Hulu Terengganu	68 lot	51 lot	2 lot	121 lot
Marang	56 lot	74 lot	8 lot	138 lot
Besut	7 lot	26 lot	2 lot	35 lot
Setiu	6 lot	61 lot	-	67 lot
Kuala Nerus	16 lot	62 lot	4 lot	82 lot
Jumlah	261 lot	472lot	100 lot	833 lot
Jumlah Keseluruhan : 833 lot				

Sumber: Unit Wakaf MAIDAM (2020)

Tanah-tanah yang diwartakan untuk tapak masjid, surau dan perkuburan Islam di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 ini akan dibatalkan perwartaannya dan akan dijadikan sebagai tanah wakaf melalui proses ‘Jadual 1’. Proses ini akan diberimilik di bawah Seksyen 72 seterusnya tanah tersebut akan dikeluarkan suratan hakmilik selepas Borang 5A selesai dibuat bayarannya sebagai mana mengikut prosedur di bawah Seksyen 81 (2). Sehubungan itu, Pihak MAIDAM akan melaksanakan bagi proses pengisian ‘Borang Jadual 1’ dengan melibatkan tanah-tanah yang berada di semua daerah iaitu daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Kemaman, Marang, Setiu, Hulu Terengganu, Besut dan Dungun. Merujuk jadual 1 di atas, Daerah Kemaman merupakan jumlah tertinggi berbanding daerah yang lain dengan sebanyak 239 lot, diikuti daerah Marang sebanyak 138 lot, daerah Hulu Terengganu sebanyak 121 lot, daerah Kuala Terengganu sebanyak 102 lot, daerah Kuala Nerus sebanyak 82 lot, daerah Setiu sebanyak 67 lot, daerah Dungun sebanyak 49 lot dan terakhir daerah Besut sebanyak 35 lot. Mengikut jenis wakaf pula, tapak kubur Islam adalah tertinggi dengan sebanyak 472 lot, diikuti tapak masjid sebanyak 261 lot dan tapak surau sebanyak 100 lot, kesemua tanah ini berjumlah 833 lot (Fatimah Harun, 2019).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Para ulama telah bersepakat bahawa ibadat wakaf mempunyai empat rukun iaitu pewakaf (*waqif*), harta (*mawquf*), penerima wakaf (*mawquf alaih*) dan sighth. Empat rukun ini turut dimuatkan juga di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 iaitu: Pertama prihal *waqif* di bawah seksyen 31 (1): (a) sudah mencapai umur lapan belas tahun; (b) sempurna akal; (c) tidak diisytiharkan bankrap; dan (d) dengan rela hati. Kedua prihal *mawquf* di bawah seksyen 23: (1) (a) dimiliki

oleh waqif; (b) boleh dipindahmilik atau diserahkan tanpa sebarang halangan; dan (c) boleh memberikan apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan. Ketiga prihal *mawquf alaih* di bawah seksyen 2 (1): ertinya orang yang berhak menerima apa-apa manfaat, faedah, kepentingan atau keuntungan daripada suatu *mawquf*.

Bagi wakaf *irsod* pula menurut Enakmen Wakaf Terengganu 2016 telah dinyatakan di bawah Seksyen 18 (2) (a) iaitu:

“wakaf *irsod*” ertinya penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan, baitulmal atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak’

Dari sudut pelaksanaan wakaf *irsod* di MAIDAM, tatacaranya telah dimuatkan pula di dalam Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 di bawah Seksyen 3 dan Seksyen 4 iaitu menyetuh tentang kaedah proses pendaftaran tanah wakaf yang diterima daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Mengenai kedudukan wakaf *irsod* dalam konteks hukum syarak adalah merupakan perkara khilaf dalam kalangan para ulama, ini disebabkan harta atau *mawquf* merupakan harta milik orang ramai. Jika merujuk konsep harta yang dibenarkan untuk diwakafkan mestilah harta dalam keadaan milikan yang sempurna oleh pihak pewakaf. Namun dalam konteks ini kedudukan *mawquf* bagi wakaf *irsod* tidak mempunyai milikan penuh oleh pihak pewakaf.

Apabila dibandingkan harta *irsod* dengan tanah yang diberimilik oleh pihak kerajaan dengan melihat beberapa peruntukan perundangan maka ianya tidak mempunyai kesaksamaan antara hubungan tersebut. Justeru itu, kajian ini akan melihat beberapa hubungannya secara keseluruhan iaitu dari sudut hukum syarak dengan perundangan sebagai mana perbahasannya berikut:

Milikan Harta

Setiap *mawquf* mestilah mempunyai milikan penuh atau sempurna oleh pihak pewakaf, hal ini selaras mengikut hukum syarak dan Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 23 (1) iaitu:

(a) dimiliki oleh waqif, (b) boleh dipindahmilik atau diserahkan tanpa sebarang halangan dan (c) boleh memberikan apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan.

Namun dalam konteks wakaf *irsod* harta yang diwakafkan merupakan harta milikan orang ramai dan perkara ini khilaf dalam kalangan para ulama. Menurut

Wahbah Al-Zuhaily bahawa pelaksanaan wakaf *irsod* adalah dibenarkan namun ianya bukan dikira sebagai wakaf yang sebenar (Wahbah Al-Zuhaily, 2008). Melihat pelaksanaan wakaf *irsod* di Malaysia, ianya mengambilkira terhadap tanah-tanah rezab di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965. Sebelum proses pemberimilikan dilaksanakan, tanah-tanah tersebut terlebih dahulu dibatalkan perwartaannya iaitu di bawah Seksyen 64:

- (1) Perizaban mana-mana tanah untuk maksud awam (sama ada dilaksanakan di bawah Akta ini atau peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum permulaannya) bolehlah, tertakluk kepada subseksyen (2), dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada bila-bila masa, sama ada mengenai keseluruhan tanah itu atau mengenai mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian darinya.

Setelah pembatalan dibuat, maka pelupusan tanah akan dilaksanakan melalui kaedah pemberimilikan di bawah Seksyen 76 iaitu:

- ‘Pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah terdiri daripada pelupusannya oleh Pihak Berkuasa Negeri-
- (a) Untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dari Sembilan puluh Sembilan tahun;
 - (aa) buat selama-lamanya-
 - (i) Jika sekiranya Kerajaan Persekutuan memerlukan Pihak Berkuasa Negeri menyebabkan geran buat selama-lamanya dibuat kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada pihak berkuasa awam atau jika sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk membuat suatu geran buat selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan;
 - (ii) Jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan untuk tujuan awam;
 - (iii) Jika sekiranya Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia dibuat sedemikian;

Prosedur bagi proses pemberimilikan ini melibatkan proses permohonan ‘Jadual 1’ sebagai mana telah dijelaskan di atas. Justeru itu, mengambilkira pelaksanaan ini dalam konteks harta bagi wakaf *irsod* adalah mempunyai hubungan yang berbeza. Ini kerana tanah-tanah yang diberimilik di bawah Seksyen 76 merupakan tanah milik kerajaan secara mutlak dan bukan tanah daripada pihak orang ramai. Berdasarkan Seksyen 76 (a) bahawa pemberimilikan adalah secara

bertempoh, justeru jika tamat tempoh maka tanah tersebut dijadikan semula sebagai tanah kerajaan (Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan, 1980). ~~Manakala~~ Dalam konteks fiqh pula, menurut Al-Qarāfi bahawa harta bagi wakaf *irsod* adalah harta milikan orang ramai yang ditempatkan di baitulmal, ia diwakafkan untuk masalah umum (Al-Qarāfi, t.th), perkara ini turut diperjelaskan juga oleh Ibnu Abidīn dengan pandangan yang sama (Ibnu Abidīn, t.th). Rumusnya, harta baitulmal yang diwakafkan oleh pihak kerajaan mengikut pandangan para ulama terdahulu adalah berbeza jika dibandingkan elemen-elemen yang ada berdasarkan kedudukan tanah kerajaan di bawah perundangan Kanun Tanah Negara 1965.

Kaedah Perwakafan

Wahbah Al-Zuhaily (2008) menjelaskan bahawa salah satu rukun wakaf yang wajib dipenuhi adalah sighthah. Bagi memenuhi syarat sighthah tersebut mestilah bersifat '*tanjīz*' iaitu 'terlaksana' tanpa terikat mana-mana ikatan '*ta'liq*' yang menghalang bagi sesebuah wakaf. Dalam konteks pengurusan MAIDAM, pelaksanaan pendaftaran wakaf mempunyai dua kaedah iaitu pertama, kaedah pendaftaran secara pindah milik di bawah seksyen 214 Kanun Tanah Negara 1965 dan kedua kaedah perletakhakan di bawah seksyen 416c. Kedua-dua kaedah ini turut dimuatkan di bawah Peraturan-Peraturan Wakaf Negeri Terengganu 2019 Seksyen 3 dan 4 iaitu:

3. Kaedah pendaftaran ini hendaklah dilaksanakan melalui Borang 14 A Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] dan mengisi Borang 1 serta Borang 3 dalam Jadual sebagai mana ditetapkan dalam Peraturan ini. Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah perletakhakan
4. (1) Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah perletakhakan ini melibatkan tanah-tanah yang tidak boleh dipindahmilik melalui kaedah yang ditetapkan dalam Peraturan 3.

Secara umumnya, dua kaedah di atas melibatkan pendaftaran tanah wakaf oleh mana-mana pihak individu yang mencukupi syarat sebagai salah seorang pewakaf sebagai mana tertakluk di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen seksyen 31 (1). Namun dalam konteks perwakafan bagi wakaf *irsod* ianya tidak tertakluk terhadap seksyen tersebut. Ini kerana proses pendaftaran tanah adalah melibatkan kaedah pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Oleh demikian, kesan pendaftaran ini menunjukkan bahawa tiada pelaksanaan sighthah wakaf yang didapatinya.

Dalam hal ini, merujuk perbahasan para ulama silam bahawa kedudukan sighth wakaf *irsod* tidak dijelaskan secara terperinci. Justeru itu, apabila perkara ini dikaitkan dalam konteks pelaksanaan semasa di bawah perundangan tanah maka ianya diambilkira sebagai perkara ijthad. Mengenai perbincangan sighth secara lebih khusus, menurut mazhab Syafie, Maliki dan sebahagian mazhab Hanbali mensyaratkan bahawa mestilah wujudnya *ijab* dan *qabul* sekiranya penerima wakaf dinyatakan secara jelas oleh pihak pewakaf. Namun menurut mazhab Hanafi, memadai dengan lafaz daripada pihak pewakaf sahaja. Menurut Abū Yusūf iaitu salah seorang ulama dalam mazhab Hanafi berpandangan bahawa lafaz yang digunakan memadai mengikut kefahaman adat setempat. Bagi mazhab Hambali pula, ia turut dibenarkan sighth wakaf dengan dilaksanakan secara perbuatan iaitu tanpa menggunakan sacara lafaz (Wahbah Al-Zuhaily, 2008). Melihat konteks pelaksanaan pendaftaran wakaf *irsod* di Terengganu, ia dilaksanakan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Proses akhir bagi pemberimilikan ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 81 (2) iaitu pihak MAIDAM akan membayar premium berdasarkan notis 'Borang 5A' yang dikeluarkan. Antara kandungan yang dimuatkan di dalam Borang 5A tersebut iaitu dinyatakan secara jelas bahawa tanah tersebut tidak boleh dijual, digadai dan dipindahmilik (Fatimah Harun, 2019). Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan telah menyerahkan tanah ini untuk dijadikan sebagai wakaf dan ianya berlaku dari sudut sighthnya secara bertulis di dalam borang tersebut. Jika melihat perbahasan para ulama mengenai sighth wakaf ianya boleh terjadi secara satu pihak sahaja atau juga terjadi secara perbuatan. Ini menunjukkan bahawa kaedah pelaksanaan tersebut mempunyai elemen sighth wakaf yang terdapat di dalam 'Borang 5A'.

Penerima Wakaf

Menurut Wahbah Al-Zuhaily (2008), penerima wakaf atau *mawquf alaih* merupakan salah satu rukun daripada hukum perwakafan. *Mawquf alaih* juga turut dimuatkan di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 2 (1). Di peringkat pengurusan MAIDAM, pelbagai jenis penerima wakaf yang telah ditadbir seperti wakaf tapak masjid, surau, perkuburan Islam, kebajikan anak yatim, pelajaran agama dan sebagainya (Fatimah Harun, 2019). Segala jenis wakaf yang ada telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu wakaf khas dan wakaf am. Perkara ini termaktub di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 14:

'Jenis wakaf yang boleh diwujudkan di bawah Enakmen ini ialah— (a) wakaf am; dan (b) wakaf khas'

Wakaf am dan wakaf khas merupakan dua perkara yang berbeza. Berdasarkan tafsiran di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 2 (1) bagi pengertian wakaf am adalah:-

“wakaf am” ertinya apa-apa mawquf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;

Bagi pengertian wakaf khas pula iaitu:

“wakaf khas” ertinya apa-apa mawquf yang diwujudkan bagi suatu tujuan yang khusus menurut Hukum Syarak;

Segala jenis wakaf yang dikendalikan oleh pihak MAIDAM seperti tapak masjid, surau, kubur dan lain-lain adalah termasuk dalam kategori wakaf khas. Bagi wakaf am pula adalah hasrat pewakaf dalam bentuk kebajikan umum sebagai mana dicatatkan di dalam ‘Borang Perwakafan’ (Fatimah Harun, 2019). Selain itu, fungsi wakaf am dan wakaf khas dalam konteks pengurusan MAIDAM adalah berbeza. Antara perbezaan tersebut iaitu kegunaan atau perbelanjaan hasil wang wakaf. Sebagai contoh, hasil wakaf khas mestilah digunakan mengikut tujuannya secara lebih khusus, bagi wakaf am pula digunakan mengikut tujuan lebih umum dan diakaunkan hasil tersebut dalam Kumpulan Wang Wakaf. Dasar pelaksanaan ini telah termaktub di dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 38 (1) dan (2) iaitu:

(1) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf. (2) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut terma-terma yang ditentukan oleh waqif kecuali bagi terma-terma yang bercanggah dengan Hukum Syarak.

Mengenai *mawquf alaih* bagi wakaf *irsod* pula, ia digunakan bagi tujuan umum iaitu masalah umum. Ini berpandukan berdasarkan penjelasan para ulama silam seperti Al-Qarāfi, Ibnu Abidīn dan Al-Māwardi, perkara ini juga selaras mengikut kebanyakan pandangan para ulama (Mawsūat Fiqhiyyah: 2015). Oleh demikian, melihat perbandingan secara lebih khusus bahawa pelaksanaan bagi wakaf *irsod* di Terengganu adalah melibatkan tanah-tanah Kerajaan yang diberimilik kepada pihak MAIDAM untuk tujuan tapak masjid, surau dan perkuburan Islam. Dasar ini telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) Kali Ke-3 Bertarikh 17 Januari 2018 (PTG, 2018). Kegunaan wakaf bagi tapak masjid, surau dan perkuburan Islam adalah termasuk sebagai jenis wakaf khas. Justeru amalan bagi kedudukan wakaf

irsod ini tidak menunjukkan hubungan yang tepat kerana ianya berlaku terhadap *mawquf alaih* yang lebih khusus. Namun demikian, terdapat juga kegunaan *irsod* untuk tujuan khusus seperti untuk kepada fakir miskin dan lain-lain sebagai mana dijelaskan salah seorang ulama silam seperti Ibnu Nujim. Rumusannya, perkara ini masih dalam lingkungan ijihad sebagai mana yang telah dibincangkan. Menurut Al-Zarqā (1997) bahawa kedudukan hukum mengenai perwakafan ianya merupakan sebuah perkara yang bersifat ijihad. Selain itu, keputusan fatwa di Malaysia mengenai kedudukan wakaf *irsod* masih tidak diputuskan di peringkat Kebangsaan dan juga di negeri Terengganu, namun ia hanya didapati fatwa di negeri Selangor bertarikh 6 Mac 2007 sebagaimana berikut:

Kerajaan negeri boleh mewakafkan harta sebagai penggunaan khusus kepada orang Islam termasuk tapak masjid, surau, kubur dan sekolah Islam.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan supaya pelaksanaan wakaf *irsod* perlu dibuat hubungan kesesuaian ketiga elemen tersebut iaitu antara hukum syarak dengan perundangan semasa. Ini kerana di dalam Kanun Tanah Negara 1965 telah memperuntukkan bahawa wakaf mempunyai bidang kuasa tersendiri sebagai mana dinyatakan di bawah seksyen 4 (1) (e):

‘Mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubung dengan wakaf atau bait-ul-mal’.

Hubungan ketiga elemen ini perlu kepada pindaan kecil bagi Enakmen Wakaf Terengganu 2016 berhubung pelaksanaan wakaf *irsod*. Atau juga dibuat secara ‘Peraturan khusus’ kerana di dalam Enakmen tersebut telah memperuntukkan bahawa boleh mewujudkan sebuah peraturan sebagai mana dinyatakan di bawah seksyen 55 (1) iaitu:

‘Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini’

KESIMPULAN

Pelaksanaan wakaf *irsod* merupakan suatu perkara penting dari sudut pemerhatiannya. Ia melibatkan kajian terhadap hukum syarak dan juga perundangan semasa. Setelah kajian dibuat secara mendalam, kedudukan hukum syarak dengan perundangan yang terlibat masih mempunyai hubungan antara keduanya walaupun tidak secara menyeluruh. Justeru ia memberi kesan yang signifikan setiap elemen yang diamalkan iaitu milikan harta, kaedah perwakafan

dan penerima wakaf. Sehubungan itu, dapatan kajian ini akan dapat dimanfaatkan kepada pihak industri iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Selain itu ia juga membuka ruang kepada pihak pengkaji untuk menerokai pelaksanaan ini secara lebih meluas dan juga lebih mendalam lagi untuk masa akan datang.

RUJUKAN

- Al-Marbawi, Mohd Idris Abdul Rauf, *Kamus Idris Al-Marbawi*, Vol 3 (Kuala Lumpur: Darul Fikr, 2006)
- Al-Māwardī, ‘*al-Aḥkām al-Sultāniyyah*’, Taḥqīq oleh Ahmad al-Jād, Vol 1 (Kaherah: Dār Hadis. t.th)
- Al-Syaukāni, Muhammad Bin Ali ‘*Nayl Al-Authār Min Ahādīs Sayyid al-Akbār Syarḥ Muntaqā al-Akbar*, Vol 6 (Kaherah: Mustafa Ḥalabī, t.th)
- Al-Zuhailī, Wahbah, *Fiḥḥu al-Islāmī wa al-Adillah*, vol. 8 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008)
- Al-Qarāfi, Abu Abbas Syihābuddīn, *Al-Faruqī, Anwār Al-Barūqi Fi Anwār Al-Farūqi* (t,tp: Alam Kutub, t.th)
- Al-Zarqā, ‘*Aḥkām al-Awqāf*’ (Ammān: Dār Ammān, 1997).
- Burns, R ‘*Research Introduction to Research Methos*’ Vol 1 (London: Sage Publication Ltd, 2000)
- Cabutan Minit Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu [PTG.TR. 00/66/2014/0008 PENDUA (18).
- Enakmen Wakaf Terengganu 2016 [En.1/2016].
- Fatimah Harun (Penolong Pegawai Wakaf dan Sumber Am, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), Temu bual pada 1 Januari 2019.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin ‘*Metodologi Penyelidikan*’ Vol 1 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016)
- Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan ‘JTGP’, *Buku Panduan Pentadbiran Tanah*, Vol 1 (Kuala Lumpur: Percetakan Negara, 1980).
- Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.th ‘*Himpunan Fatwa Negeri Selangor*’ ed 1, Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’ *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, Vol 1 (Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, 2009).
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang ‘*Perlembagaan Persekutuan*’ Vol 1 (Selangor: International Law Book Services, 2012)
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, *Kanun Tanah Negara 1965 / Akta 56*’ Vol 1 (Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd. 2017)
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) ‘*Laporan Tahunan MAIDAM 2017*’. Vol 1 (Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 2018)

- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu '*Skim Bantuan Wakaf & Sumber Am*' Vol 1, (Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 2018)
- Majma' Lughah Arabiyyah, *Mu'jam al-Waṣīṭ*, Vol 4 (Kaheerah: Maktabah Syāri, 2008)
- Merriam '*Qualitative Research and Case Study Applications in Education*' Vol 1 (San Francisco: Jossey-Bass Pub, 2001)
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. *Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu*, Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS): e-ISSN: 2550-2042 Vol 4 Issue 1, 2020
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. (2020). *Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat* BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences: e-ISSN: 2600-9080 Vol 3 Issue 2, 2020
- Muṣṭafa, Muḥamad '*Jāmi' Al-Durūs Al-Arabiyyah*' Vol 1 (Kaheerah: Dār Ibnu Jauzi, 2010)
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*' Vol 6 (Perak: Nur Niaga Sdn Bhd, 2017)
- Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 iaitu 'Warta Kerajaan' Jil 72 No.
- Siti Uzairiah Tobi '*Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu bual*' (Kuala Lumpur: Published in Malaysia, 2018).
- Ibnu Abidin, Al-Dimasyqī Hanafī, *Raddul Mukktār Ala Dārul Mukhtār*, vol 6, (Bayrūt: Dār Fikr, 1992).
- Ibnu Abidīn, *Hāshiyah Ibnu Abidīn*, vol 2 (Bayrūt: Dār Fikr.t.th)
- Ibnu Al-Humam, Kamal al-Din Muhammad al-Sakandari "*Shar al-Faḥ al-qādir*", Vol 1 (Beirūt: Dār Al-Fikr, 1977)
- Ibnu Manzur '*Lisānul Arab*' Vol 9 (Beirut: Dār Al-Fikr, jld 9, 1990)
- Ibnu Qudāmah, Muhammad Abdul Allah '*Mughni*' Vol 4 (Dār Al-Kutub, 1990)
- Wahbah al-Zuhāilī, *Fiqhu al-Islam wa al-Adillah*, Vol 6 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008)
- Wuzrāt Al-Awqāf, *Mawsūat Fiqhiyyah*, Vol 2 (Kuwait: Dārul Al-Salāsih, 2015)
- Yacoob Abdullah (Penolong Kanan Setiausaha Wakaf dan Sumber Am, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), Temu bual pada 15 Ogos 2020